

Untuk melindungi kebebasan beragama dan memelihara ketenteraman

Bahan asal dari Arlik
Negara Malaysia

Musa: Kenapa Kanun Keselamatan dan Perundangan Agama Tidak Perlu

Rang Undang-undang dilulus dengan sebulat suara



DATUK MUSA HITAM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Musa Hitam menegaskan, pindaan terhadap Kanun Keselamatan dan Kanun Prosedur Jenayah, bertujuan menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, agama adalah satu perkara suci kepada setiap penganutnya.

Berucap membentangkan Rang Undang-Undang Kanun Keselamatan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1982 di Dewan Rakyat semalam, Datuk Musa berkata:

"Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, agama ialah satu perkara suci kepada setiap penganutnya. Perkara ini di dalam Perlembagaan, Persekutuan secara khusus menjamin kebebasan beragama di negara ini.

"Kepercayaan kepada Tuhan juga salah satu ciri utama di dalam Ekuikunegara. Adalah wajar bagi kerajaan menefikan kebebasan beragama tidak disalagunakan sehingga menimbulkan keresahan ataupun menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Penjara

"Adalah juga perlu bagi kerajaan memastikan supaya kebebasan beragama ini wujud dalam keadaan yang harmoni."

Timbalan Perdana Menteri menambah, pindaan yang dicadangkan ke atas Kanun Keselamatan melibatkan dua aspek yang berlainan maksud.

Pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah pula, katanya, adalah berkaitan dengan salah satu aspek pindaan ke atas Kanun Keselamatan.

Aspek pertama daripada pindaan kepada Kanun Keselamatan, berbangkit daripada peruntukan di Ordinan "Criminal Justice Ordinance" 1953 ialah hukuman penjara seumur hidup bagi semua maksiat diberi makna sebagai "hukuman penjara bagi tempoh masa dua puluh tahun".

"Maka peruntukan-peruntukan di dalam Kanun Keselamatan yang memperuntukkan "hukuman penjara seumur hidup" ialah digantikan dengan "hukuman penjara selama dua puluh tahun" mengikut Akta Kanun Keselamatan (Pindaan dan Perubahan) 1976, katanya.

Walaupun demikian, tambah Datuk Musa ketika membuat pindaan ke atas Akta Kanun Keselamatan 1976 adalah, pindaan yang sepatutnya juga dibuat kepada Perenggan 4 dan 5 Sekyen 225 Kanun Keselamatan telah tertinggal.

"Maka dengan itu, Pasal 2 dalam rang undang-undang ini bertujuan memperbetulkan perkara tersebut," jelasnya.

"Aspek kedua dalam

Agama ialah satu perkara yang suci kepada setiap penganutnya. Perkara 11 di dalam Perlembagaan Persekutuan secara khusus menjamin kebebasan beragama di negara ini.

pindaan kepada Kanun Keselamatan ini ialah bagi maksud kepentingan keselamatan dan untuk menjamin ketenteraman awam di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara kita Malaysia," tambahnya.

"Di atas hasrat untuk melindungi kebebasan beragama, mengartikan perpaduan masyarakat majmuk, dan memelihara ketenteraman awam, maka kerajaan bercadang memasukkan satu sekyen baru ke dalam Bab XV (Lima Belas) Kanun Keselamatan seperti yang dinyatakan di dalam Fasal 3 rang undang-undang ini.

Tergugat

"Bab XV mengandungi Sekyen 295 hingga 298 yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan berhubung dengan agama. Sekyen baru ini ialah Sekyen 298 A.

Kerajaan membuat cadangan ini kerana sekiranya kerajaan gagal menjamin ketenteraman awam dan kebebasan untuk rakyat menganut atau mengamalkan agama yang mereka pilih,

negara juga akan terganggu disebabkan kurang puas hati rakyat jelata terhadap perjalanan proses kerajaan," jelasnya.

Menurut Datuk Musa, Sekyen 298 A yang baru ini menjadikan suatu kesalahan bagi sesiapa saja biarpun dengan secara percakapan, tulisan, perbuatan ataupun apa-apa tindakan dan sebagainya yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan suasana tidak harmoni, perasaan permusuhan, benci-membenci atau perpecahan atau sebab-sebab agama, sama ada di antara individu atau sekumpulan yang seagama ataupun di antara mereka yang berlainan agama.

Sekyen ini juga bertujuan menjadikan suatu kesalahan bagi sesiapa di antara individu atau kumpulan yang seagama atau yang berlainan agama.

"Hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang berabit kesalahan ini adalah penjara selama tiga tahun atau denda ataupun kedua-duanya."

"Jika perbuatan yang

sedemikian dilakukan berhampiran atau di dalam masjid, gereja, berhala ataupun mana-mana tempat sembahyang ataupun dalam sesuatu perjumpaan agama ataupun perayaan agama, penyalinya ialah penjara lima tahun atau denda atau kedua-duanya," jelas Datuk Musa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, untuk membuktikan kesalahan di bawah Sekyen Ke-31 yang tersebut, Sekyen 298A menetapkan beberapa anggapan di dalam Sekyen Sekyen Ke-34 dan 5.

"Sekyen Ke-31 membuat anggapan bahawa jika sesiapa menuduh orang lain atau sekum-

perasan permusuhan di antara orang-orang yang menganut agama tersebut.

"Bagaimanapun, orang yang menuduh ini hanya boleh didakwa sekiranya pihak pendakwa raya atau pegawai yang diberi kuasa olehnya, membuat aduan kepada mahkamah.

"Demikian juga anggapan-punnya jika orang itu menuduh bahawa seseorang pegawai agama yang dituntut yang mana-mana undang-undang tidak diterima oleh orang itu ataupun tidak patut diterima oleh orang-orang lain ataupun apa yang dilakukan oleh pegawai itu adalah bertentangan dengan agama," katanya.

Sekiranya kerajaan gagal untuk menjamin ketenteraman awam dan kebebasan untuk rakyat menganut atau mengamalkan agama yang mereka pilih, negara juga akan terganggu disebabkan kurang puashatinya rakyat jelata terhadap perjalanan proses kerajaan.

Datuk Musa selanjutnya berkata, Sekyen Ke-4 juga menganggap bahawa jika seseorang itu menggunakan tanah perkuburan ataupun "crematorium" lain daripada yang dibenarkan oleh undang-undang, perbuatan itu adalah bertentangan dengan agama.

Datuk Musa selanjutnya berkata, Sekyen Ke-4 juga menganggap bahawa jika seseorang itu menggunakan tanah perkuburan ataupun "crematorium" lain daripada yang dibenarkan oleh undang-undang, perbuatan itu adalah bertentangan dengan agama.